

# Malaysia bantu Timor Timur

Oleh Kadir Dikoh

BH - 9 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Rabu—Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan Malaysia akan membantu memulihkan dan membangunkan Timor Timur bukan saja dalam tempoh peralihan sekarang, malah selepas negara itu mencapai kemerdekaan mutlak nanti.

Perdana Menteri memberi jaminan itu pada pertemuan dengan Presiden Majlis Kebangsaan Penentangan Rakyat Timor (CNRT), Xanana Gusmao, di sini semalam.

Gusmao berkata, Dr Mahathir melahirkan simpati terhadap keadaan di negara itu yang serba kekurangan.

“Kita mengadakan pertemuan secara jujur dan terbuka. Meskipun ini kali pertama kami berjumpa, saya amat kagum dengan Dr Mahathir dan cara beliau bercakap dengan kita.

“Kami bertukar pendapat mengenai masa depan (Timor Timur). Kami bertanya pelbagai isu kepada Dr Mahathir mengenai banyak isu berkaitan dasarnya dalam memajukan Malaysia kerana negara kami ‘kosong’ (tiada pembangunan).

“Beliau (Dr Mahathir) simpati dengan keadaan di Timor Timur dan beliau berjanji untuk membantu kami

dalam pembangunan manusia dan bidang lain yang kami (akan) kenal pasti nanti,” katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan tiga harinya ke negara ini, petang ini.

Pemimpin kemerdekaan Timor Timur itu yang diiringi Naib Presiden CNRT, Jose Ramos-Horta, sebelum itu menemui pemimpin China, Korea Selatan, Singapura, Thailand dan Filipina.

Kedua-duanya juga dalam misi untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membangunkan semula Timor Timur yang mereka perjuangkan untuk kemerdekaan sejak tentera Indonesia tiba di situ pada 7 Disember 1975.

Sementara itu, Ramos-Horta berkata, Malaysia boleh memainkan peranan ketenteraan yang lebih meluas di negaranya di bawah panji Pentadbiran Peralihan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Timor Timur (Untaet).

Malah, katanya, Malaysia memang berpeluang menjadi ketua pemerintah Untaet apabila cadangan untuk menggilirkan jawatan itu di kalangan negara Asean diterima PBB.

“Ya, sudah tentu (Malaysia boleh menjadi ketua) apabila digilirkan... dari Filipi-

na (sekarang) ia boleh pergi ke Malaysia dan Thailand. Apabila kita kata kita memperakui idea penggiliran, ini membayangkan bahawa Malaysia akan menambahkan tenaga dan sumbangannya di Timor Timur jika ia mengetahui pasukan itu.

“Biasanya, negara yang memberi sumbangan besar akan menjadi ketua. Kita bukan saja yakin dan mengharapkan Malaysia untuk membantu pasukan pengaman malah membantu dalam pentadbiran awam di Timor Timur kerana Malaysia adalah negara yang memiliki kebolehan pentadbiran awam antara yang terbaik di dunia, jika tidak di rantau ini.

“Kita memberitahu Dr Mahathir bahawa kita mengalu-alukan doktor dan jurutera dari Malaysia untuk membantu pembinaan semula masyarakat Timor Timur selain membangunkan pembinaan jalan, rumah dan sektor pertanian,” katanya.

Oleh itu katanya, memandangkan peperangan sudah berakhir di Timor Timur, anggota pasukan pengaman di sana boleh membantu mengendalikan kerja-kerja pembangunan sosioekonomi.

Ramos-Horta yang juga

penerima Anugerah Keamanan Nobel 1996 turut memuji Dr Mahathir kerana mempunyai visi yang jauh sehingga Malaysia kini pesat membangun serta dijadikan model oleh kebanyakan negara membangun lain.

“Pujian harus diberi kepada rakyat dan pemimpin Malaysia. Saya mendapati Dr Mahathir, selain pemimpin Cuba Fidel Castro tetapi bukan ideologi Castro yang sememangnya berten-

tangan dengan kita dan bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela adalah tiga pemimpin yang pantas menyuarakan agenda dunia ketiga.

“Tiga pemimpin ini apabila bersuara, menyebabkan ramai tidak senang hati dan mereka yang tidak senang hati ini tidak boleh berbuat apa-apa. Ini menyebabkan rasa tidak senang kuasa besar tetapi ketiga-tiganya secara terbuka menyuarakan

sokongan kuat untuk agenda dunia ketiga, agenda negara membangun” katanya.

Mengenai hasil lawatan ke beberapa negara Asean, Gusmao berkata ia adalah sangat positif bukan sahaja berjaya mewujudkan asas hubungan baru dengan negara berkenaan malah mendapat reaksi menggalakkan daripada pemimpinnya dalam usaha membangunkan semula negara itu.

Bagaimanapun katanya,

Timor Timur akan menunggu sehingga selepas pilihan raya diadakan sebelum memutuskan sama ada untuk menyertai Asean. Timor Timur akan kekal berada dalam pengawasan Untaet selama dua tahun.

Mengenai permintaan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid supaya bekas Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI), Jeneral Wiranto meletakkan jawatan berikutan siasatan sebuah

panel kerajaan yang mengaitkannya dengan pelanggaran hak asasi manusia di Timor Timur, Gusmao berkata pihaknya menyokong permintaan Gus Dur itu.

“Kami ingin mengulangi bahawa jika kami meminta keadilan, kami tidak meminta untuk balas dendam. Ia bukan balas dendam, ia adalah jenis tindakan untuk membebaskan manusia daripada melakukan banyak lagi jenayah,” katanya.